

17 APR 1998

Duta-PBB

M'SIA PERTINGKAT LOBI BAGI KERUSI MAJLIS KESELAMATAN PBB

Oleh: Othman Ahmad

NEW YORK, 17 April (Bernama) -- Malaysia akan mempertingkatkan lobi bagi kerusi tidak tetap di Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), kata Wakil Tetap Malaysia yang baru ke PBB Datuk Hasmy Agam.

Usaha melobi bagi kerusi tidak tetap di Majlis Keselamatan dengan 15 anggota itu akan menjadi agenda utama negara bagi beberapa bulan akan datang, katanya.

Pencalonan Malaysia bagi sesi 1999-2000 majlis itu telah diperakui oleh negara-negara Asia, kata beliau kepada wartawan-wartawan tanahair yang melawat pejabat perwakilan Malaysia di sini, pada Khamis.

Pemilihan bagi kerusi itu akan diadakan pada Oktober ini.

Hasmy, 54, yang sebelum ini wakil tetap gantian secara rasmi mengambil alih jawatan itu hari ini menggantikan Tan Sri Razali Ismail yang telah menamatkan tempoh perkhidmatannya.

Hasmy berkata: "Adalah diharapkan kita akan dipilih dengan majoriti dua pertiga untuk tempoh dua tahun dalam majlis itu."

Hasmy berkata, jika terpilih, Malaysia akan menjadi anggota yang aktif dalam majlis itu di sepanjang tempoh dua tahun. Kali terakhir Malaysia memegang kerusi Majlis Keselamatan itu ialah 10 tahun lepas.

Beliau berkata, keazaman untuk menjadi satu daripada anggota tidak tetap ini adalah bagi memenuhi hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mencadangkan Malaysia menyertai majlis PBB itu yang terlibat dalam pengubalan dasar.

"Selepas ini, saya rasa adalah lebih sukar untuk mendapatkan kerusi itu khasnya dalam tempoh 10 tahun akan datang kerana giliran Asia nanti adalah pada tahun 2010 ataupun 2011.

Malaysia perlu berpendirian tegas dalam memperjuangkan kedudukan dunia membangun, negara-negara berkecuali di dunia ketiga khasnya yang berkaitan dengan isu-isu keselamatan, katanya.

"Malaysia akan memastikan yang kepentingan negara-negara membangun terus dipelihara, digalakkan dan dipertahankan seperti yang kita telah melakukan sebelum ini dengan penuh kejayaan.

"Kita berjuang bagi negara-negara dunia ketiga, sebagai contoh bagi Iraq kita mengambil masa yang lama sebelum bersetuju membenarkan tindakan ketenteraan terhadap Iraq kerana kita bimbang tindakan tenteraan itu akan menimbulkan bahaya besar kepada dunia," katanya.

Hasmy berkata, jika terpilih isu-isu lain yang Malaysia akan turut memberi penekanan ialah ketelusan di majlis itu, mengawasi penggunaan veto terhadap negara-negara anggota dan juga sekatan ekonomi terhadap negara-negara.

-- BERNAMA

OBA RN PR